



SENARAI SEMAK BAHARU DOKUMEN PERMOHONAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

Selaras dengan Notis Makluman Pengemaskinian Garis Panduan Pembiayaan Perumahan LPPSA bertarikh 2 Januari 2024, dimaklumkan berkuat kuasa 1 Mac 2024 semua permohonan pembiayaan LPPSA hendaklah mengguna pakai Senarai Semak Baharu Permohonan Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (*rujukan Senarai Semak Permohonan Pembiayaan Perumahan LPPSA Bil.1/2024*). Senarai Semak tersebut boleh diakses melalui laman web rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my > LPPSA MyFinancing > Pelanggan Baru > rujuk ruangan Dokumen Berkaitan > Senarai Semak Mengikut Jenis Pembiayaan atau melalui pautan terus [di sini](#).

Para pelanggan dinasihati untuk mengambil perhatian berikut:

- a. Memastikan ketepatan maklumat permohonan dan penyediaan dokumen mengikut Senarai Semak Jenis Pembiayaan yang disediakan.
- b. Memastikan Status Penyediaan Dokumen pada senarai semak dilengkapkan dan dikemukakan bersekali dengan dokumen permohonan kepada LPPSA.
- c. Permohonan yang tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan pembiayaan dikuiiri atau ditolak.
- d. LPPSA berhak meminta dokumen sokongan tambahan bagi tujuan pengesahan maklumat pelanggan.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

6 MAC 2024